KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PENGGULUNGAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PENGGULUNGAN KE ATAS PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (BELANJAWAN) 2027 PERINGKAT DASAR

DI DEWAN RAKYAT BAGI
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KELIMA BELAS

27 OKTOBER 2025
(SELASA)

PEMBUKAAN

Terima kasih Yang di-Pertua,

Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan **Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2027** dari 12 hingga 22 Oktober 2026 yang lalu**,** khususnya atas perhatian yang diberikan kepada isu-isu di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Pandangan dan cadangan yang dikemukakan memberikan ruang kepada kami di KPWKM untuk menilai semula pendekatan sedia ada, mengenal pasti ruang penambahbaikan dan memperhalusi perancangan bagi memastikan keperluan kumpulan sasar terus diberikan perhatian sewajarnya.

Insya Allah, pada hari ini, saya akan memberi maklum balas terhadap perkara-perkara yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan tersebut.

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
	WANITA	
1.	Saya menyambut baik beberapa penambahbaikan dalam Belanjawan 2027 termasuk perluasan kemudahan cuti bersalin penjawat awam, pelepasan cukai, penjagaan selepas bersalin dan juga usaha memperkukuh ekosistem asuhan kanak-kanak. Namun, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta juga Kementerian Sumber Manusia mengenai **bagaimana keberkesanan langkah ini akan dinilai. Khususnya terhadap penyertaan tenaga kerja wanita dan pengurangan beban penjagaan keluarga.**	**DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA** **[SEKIJANG]**

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Terlebih dahulu, KPWKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas kepimpinan dan keprihatinan beliau dalam memastikan agenda pemerkasaan wanita terus diberikan keutamaan menerusi Belanjawan 2027. Pengumuman pelbagai inisiatif termasuk perluasan kemudahan cuti bersalin kepada penjawat awam, pelepasan cukai dan pengukuhan ekosistem asuhan kanak-kanak mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam menyokong penyertaan ekonomi wanita serta kesejahteraan keluarga.

2. Pendekatan ini adalah selaras dengan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030, serta Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030 (*Malaysian Care*

Strategic Framework and Action Plan 2026-2030) yang memberi penekanan kepada pemerkasaan ekonomi wanita dan pengukuhan ekosistem penjagaan negara.

3. Menjawab pertanyaan **Yang Berhormat Sekijang**, dalam konteks penyertaan ekonomi wanita, keberkesanan inisiatif ini antaranya boleh **dinilai melalui Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita (KPTBW)** yang diterbitkan secara berkala oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Untuk makluman, KPTBW telah menunjukkan peningkatan daripada 56.2 peratus pada tahun 2023 kepada 56.6 peratus pada tahun 2025. Usaha ini adalah selaras dengan sasaran kerangka Ekonomi MADANI untuk meningkatkan KPTBW kepada 60 peratus menjelang tahun 2030.

4. Bagi menilai keberkesanan inisiatif dalam meringankan beban penjagaan keluarga, antara indikator yang boleh digunakan ialah **kanak-kanak yang mendapat manfaat daripada perkhidmatan asuhan.** Berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Jun 2026, lebih 67,000 kanak-kanak mendapat asuhan di lebih 3,300 buah TASKA yang berdaftar dengan JKM, meningkat daripada 58,000 kanak-kanak yang mendapatkan perkhidmatan serupa pada tahun 2023. Ketersediaan perkhidmatan asuhan ini membolehkan ibu dan bapa bekerja.

5. Selain itu, penggunaan kemudahan cuti bersalin dan insentif percukaian berkaitan penjagaan juga boleh memberi sedikit sebanyak gambaran bagaimana inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan membantu meningkatkan serta mengekalkan wanita dalam pasaran buruh. Sebagai contoh, berdasarkan data Kementerian Kewangan, lebih 200,000 pembayar cukai wanita mendapat manfaat daripada insentif percukaian

berkaitan penjagaan anak. Ini bermakna, bersama dengan kemudahan cuti bersalin yang ditambah baik, insentif ini turut mendorong wanita berkeluarga untuk terus bekerja dan menaiki tangga kerjaya dengan lebih tinggi. Penilaian seperti ini boleh diteliti melalui kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk membantu Kerajaan meneliti keberkesanan inisiatif dalam meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan serta meringankan beban keluarga.

6. Justeru, KPWKM akan terus memperkukuh kerjasama rentas kementerian dan agensi bagi memastikan inisiatif Belanjawan 2027 memberikan impak yang bermakna kepada wanita dan keluarga. Matlamat akhirnya adalah untuk memastikan wanita tidak perlu memilih antara tanggungjawab keluarga dengan pembangunan kerjaya, sebaliknya berpeluang untuk memasuki, kekal dan maju dalam pasaran pekerjaan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
	WANITA & PENJAGAAN	
2.	Jadi, apabila tanggungjawab penjagaan semakin meningkat, ada yang terpaksa mengurangkan waktu bekerja mereka atau meninggalkan langsung ataupun meninggalkan terus pekerjaan mereka. Dan keadaan ini memberikan implikasi tentunya kepada pendapatan isi rumah, simpanan persaraan dan juga produktiviti tenaga kerja negara. Dalam konteks ini wanita sering menanggung sebahagian besar tanggungjawab penjagaan tanpa gaji, tak dibayar ramai. Sebab itu apabila kita bercakap mengenai usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja, **kita juga perlu melihat sama ada kemudahan penjagaan anak dan juga warga emas ini tentunya penjagaan yang berkualiti serta mampu bayar, benar-benar tersedia.**	**DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA** **[SEKIJANG]**

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Masih menyentuh isu wanita, serta perkara berkaitan penjagaan, **Yang Berhormat Sekijang** juga mencadangkan agar Kerajaan perlu melihat **kemudahan penjagaan** anak dan penjagaan warga emas yang berkualiti sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja.

2. Saya bersetuju bahawa usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja tidak boleh dilihat dari sudut peluang pekerjaan semata-mata. Kita juga perlu melihat tanggungjawab penjagaan yang dipikul oleh wanita, sama ada terhadap anak-anak, ibu bapa yang semakin berusia atau ahli keluarga yang memerlukan penjagaan berterusan.

3. KPWKM melihat isu ini sebagai antara cabaran penting yang perlu ditangani, khususnya bagi golongan *sandwich generation* yang perlu mengimbangi tanggungjawab terhadap anak-anak dan ibu bapa yang semakin berusia. Apabila kemudahan penjagaan tidak mencukupi, tidak bersesuaian atau terlalu membebankan dari segi kos, wanita sering menjadi pihak yang terpaksa mengurangkan waktu bekerja atau meninggalkan pekerjaan mereka. Justeru, bagi KPWKM, memperkukuh ekosistem penjagaan bukan sekadar soal kebajikan, tetapi juga sebahagian daripada usaha memperkasa wanita dan membangunkan ekonomi negara.

4. Sehubungan itu, KPWKM telah melancarkan Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030 pada 4 November 2025 sebagai langkah strategik untuk memperkukuh ekosistem dan industri penjagaan negara. Melalui pendekatan ini, kita mahu membina sebuah ekosistem penjagaan yang lebih tersusun, profesional dan mampan. Pada masa yang sama, kerja penjagaan perlu diberikan pengiktirafan sewajarnya kerana sumbangannya bukan sahaja kepada kesejahteraan keluarga, malah kepada penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja dan produktiviti negara.

5. Dalam membantu keluarga menangani kos penjagaan, Kerajaan turut menyediakan beberapa bentuk sokongan menerusi pelbagai Kementerian dan agensi. Antaranya ialah:

i. Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA sebanyak RM180 sebulan kepada mereka yang layak.

ii. Selain itu, ibu bapa juga boleh menikmati pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 setahun bagi yuran TASKA atau TADIKA berdaftar;

iii. Melalui Belanjawan 2027 pula, antara inisiatif baru yang diumumkan ialah geran padanan RM100 juta oleh Yayasan GLIC/GLC untuk memperkukuh ekosistem penjagaan kanak-kanak; serta

iv. peluasan pelepasan cukai individu bagi merangkumi semua perbelanjaan penjagaan ibu bapa dan datuk nenek, dan tidak lagi terhad kepada perbelanjaan kesihatan sahaja.

6. Langkah-langkah ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan keluarga yang perlu mendapatkan perkhidmatan penjagaan supaya mereka dapat terus bekerja. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan keperluan untuk memperluas sokongan kepada keluarga yang mempunyai tanggungjawab penjagaan, di samping meningkatkan ketersediaan perkhidmatan penjagaan yang diperlukan oleh rakyat.

7. Dalam usaha memperkukuh sektor penjagaan, matlamat kita bukan sekadar melahirkan lebih ramai penjaga yang terlatih dan bertauliah. Kita mahu memastikan rakyat mendapat perkhidmatan penjagaan yang berkualiti, selamat dan boleh dipercayai.

8. Tanggungjawab penjagaan tidak seharusnya dipikul oleh wanita semata-mata. Penjagaan ialah tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama ahli keluarga, komuniti, Kerajaan dan majikan.

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
WANITA & PERLINDUNGAN KRT		
3.	Dalam masa yang sama, saya ingin mendapatkan penjelasan juga daripada KPWKM mengenai **kecukupan pembiayaan dan penyelarasan perkhidmatan bagi mangsa keganasan berasaskan gender dan kita perlu melihat akses kepada tempat perlindungan, ini penting. Kaunseling, bantuan perundangan dan juga pemulihan jangka panjang.** **Adakah kementerian mempunyai indikator yang boleh menunjukkan keberkesanan perkhidmatan ini**, termasuklah **kemampuan mangsa mendapatkan bantuan dengan cepat dan meneruskan kehidupan dalam keadaan yang lebih selamat**.	**DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA** **[SEKIJANG]**

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Masih lagi pertanyaan dari **Yang Berhormat Sekijang,** kali ini berkaitan penyelarasan **perkhidmatan bagi mangsa keganasan berasaskan gender** dan beliau ingin mengetahui apakah indikator Kementerian dalam melihat keberkesanan perkhidmatan ini.

2. KPWKM amat prihatin dan mengambil serius berhubung keperluan memastikan mangsa keganasan berasaskan gender mendapat bantuan dengan segera, perlindungan yang bersesuaian serta sokongan untuk meneruskan kehidupan dalam keadaan yang lebih selamat. Justeru,

Kerajaan menyokong usaha menangani keganasan berasaskan gender melalui **advokasi, intervensi, perlindungan, sokongan psikososial, bantuan perundangan dan pemulihan**.

3. Dari aspek advokasi dan pencegahan keganasan terhadap wanita, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) memperkukuh kesedaran masyarakat mengenai bentuk keganasan, hak wanita serta saluran bantuan melalui **Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga (Aku Wanita@KRT)** dan **kempen *End Violence Against Women* (EVAW)**.

4. Dalam memperkukuh kesejahteraan wanita, JPW turut memberi perhatian kepada keperluan pemandiri keganasan rumah tangga melalui **Inisiatif Santun Kasih Pemandiri@Keganasan Rumah Tangga (SARI@KRT).** Inisiatif ini memberi fokus kepada proses pemulihan pemandiri dengan membantu mereka membina semula kehidupan. Usaha ini turut dilengkapi dengan **intervensi psikologi K-Chat** bagi membantu pemandiri menangani kesan emosi dan psikologi akibat keganasan.

5. Pada masa yang sama, **Program IRIS** serta **Program MATAHARI** meningkatkan kefahaman wanita mengenai hak dan akses kepada bantuan, di samping memperkukuh daya tahan diri. Di peringkat komuniti, **Skuad WAJA** menggerakkan sukarelawan akar umbi untuk menyokong usaha pencegahan keganasan melalui sokongan psikososial awal, perkongsian maklumat serta bantuan rujukan kepada perkhidmatan profesional yang bersesuaian.

6. KPWKM melalui JKM turut menyediakan pelbagai perkhidmatan perlindungan dan sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, termasuk pengeluaran **Perintah Perlindungan (PO)** serta urusan penempatan di **Tempat Selamat**.

7. **Bagi memperkukuh akses kepada kaunseling dan sokongan psikososial,** KPWKM menyediakan intervensi awal, bimbingan serta rujukan mengikut keperluan individu melalui agensi di bawahnya. JPW melaksanakan inisiatif **PRISMAnita** di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) bagi membantu wanita mendapatkan bantuan daripada agensi yang bersesuaian.

8. Selain itu, **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) turut menyediakan intervensi psikososial dan bimbingan kaunseling secara bersemuka oleh kaunselor berdaftar serta rujukan kepada bantuan berkaitan.

9. Bagi menilai keberkesanan perkhidmatan, memperkukuh pemantauan dan penyelarasan dalam usaha menangani kes keganasan rumah tangga, KPWKM menyediakan platform kerjasama di antara (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan, penyedia khidmat guaman dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT).

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
	WANITA & GRB	
4.	Justeru saya ingin **mencadangkan agar Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan penyediaan satu Penyata Belanjawan Responsif Gender yang memperincikan peruntukan kumpulan penerima manfaat, sasaran dan juga keberhasilan dasar mengikut gender**. Perlaksanaannya boleh dimulakan secara berperingkat. Pada pandangan saya, pendekatan belanjawan responsif gender ini akan membantu kerajaan memahami dengan lebih jelas siapa yang mendapat manfaat daripada perbelanjaan awam dan di mana masih terdapat jurang yang mungkin kita kena perbaiki atau tangani.	**DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA** **[SEKIJANG]**

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Berhubung dengan cadangan agar disediakan **Penyata Belanjawan Responsif Gender**, KPWKM menyokong seruan ini kerana berpandangan bahawa pelaksanaan **Belanjawan Responsif Gender (GRB) secara berperingkat** boleh membantu kementerian dan agensi mengenal pasti jurang gender, menilai pengagihan manfaat perbelanjaan awam serta memastikan peruntukan yang disediakan dapat memenuhi keperluan wanita dan lelaki secara lebih saksama.

2. Sehubungan itu, KPWKM melalui JPW sedang melaksanakan ***Kajian Tadbir Urus Responsif Gender ke arah Pemerkasaan Wanita di***

Malaysia. Kajian ini disasar untuk disiapkan pada pertengahan tahun 2027. Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan memperkukuh pendekatan tadbir urus responsif gender dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar, program serta perkhidmatan kerajaan ke arah pemerkasaan wanita yang lebih berkesan dan menyeluruh.

3. Objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap kefahaman, kesediaan dan amalan semasa dalam pelaksanaan tadbir urus responsif gender, mengenal pasti isu, cabaran dan jurang pelaksanaan antara komitmen dasar dengan amalan sebenar, serta menganalisis model dan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa berkaitan **GRB**, Penilaian Impak Gender (**GIA**) dan Audit Gender (**GA**).

4. Kajian ini juga akan membangunkan cadangan kerangka pelaksanaan serta instrumen GRB, GIA dan GA yang standard, praktikal dan berasaskan bukti, di samping mengemukakan syor dasar, mekanisme pemantauan dan pelan tindakan berfasa bagi menyokong pelaksanaan *instruments* tersebut menjelang tahun 2030.

5. KPWKM berpandangan bahawa penggunaan data terpilah mengikut jantina, atau dengan izin: *sex disaggregated data*, GIA, GA serta indikator keberhasilan yang jelas penting bagi memastikan perbelanjaan awam dapat dinilai berdasarkan impak sebenar terhadap kesaksamaan gender dan kesejahteraan rakyat. KPWKM bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi bagi meneliti kesesuaian pelaksanaan Penyata Belanjawan Responsif Gender secara berfasa sebelum diperluas kepada kementerian dan agensi lain.

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
MEKANISME DAN KELAYAKAN PENYALURAN BANTUAN		
	Alhamdulillah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menaikkan peruntukan RM1.3 bilion pada tahun 2027 ini bagi bantuan warga emas. Apa yang kita persoalkan cara pemilihan dan juga saringan yang penerima yang layak. Terdapat seorang warga emas terutama yang balu yang seharusnya layak, tetapi kerana mungkin mereka tidak mempunyai atau pun menyertai mana-mana parti politik atau tidak berkenalan— tidak mempunyai kenalan di pejabat kebajikan, maka permohonan mereka tidak dilayan dan hak mereka dinafikan. Pegawai-pegawai yang diberikan amanah haruslah jujur dan melaksanakan tanggungjawab.	**DATUK WETROM BIN BAHANDA** **[KOTA MARUDU]**
5.	Kesembilan, menyemak semula kelayakan bantuan bulanan warga emas. Puan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar kerajaan menyemak semula mekanisme kelayakan bantuan bulanan warga emas, khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai pencen, pendapatan tetap atau simpanan mencukupi.	**YB DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING** **[BEAUFORT]**
	Saya turut menekankan **keperluan memperkukuhkan sokongan kepada warga emas. orang kurang upaya, keluarga miskin dan penjaga yang menanggung ahli keluarga yang sakit kronik.** Peningkatan bantuan kebajikan hendaklah disertai akses yang mudah, proses permohonan yang cekap dan mekanisme rayuan yang lebih adil.	**TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN** **[MERBOK]**

	Kerajaan wajar memastikan golongan warga emas, golongan kurang upaya dan mereka yang menghadapi kekangan digital tidak tersisih daripada bantuan. **Setiap program perlu dinilai berdasarkan keberhasilan, berapa ramai yang dibantu, adakah pendapatan mereka bertambah baik dan adakah keluarga yang lebih mampu memenuhi keperluan asas? Bantuan mesti disertai ketelusan, pelaksanaan yang cekap dan penilaian yang jujur.** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan perlindungan sosial rakyat perlu diinstitusikan melalui undang-undang, bukannya bergantung kepada budi bicara Menteri Kewangan ataupun pengumuman belanjawan tahunan. Bantuan kewangan kepada golongan miskin, warga emas, OKU dan pekerja yang kehilangan pekerjaan perlu dijamin melalui sistem yang konsisten supaya penerima yang layak tidak perlu bimbang bantuan mereka dihentikan setiap kali berlaku pertukaran kerajaan.	**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD** **[KEPALA BATAS]** **DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK** **[BALIK PULAU]**

1. Seterusnya, **Yang Berhormat Kota Marudu** dan **Yang Berhormat Kepala Batas** telah membangkitkan pertanyaan mengenai mekanisme permohonan bantuan kebajikan dinilai dan diproses. Manakala **Yang Berhormat Merbok**, **Yang Berhormat Beaufort** dan **Yang Berhormat Balik Pulau** telah mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap syarat kelayakan dan saluran permohonan bantuan kebajikan yang disediakan oleh JKM.

Tuan Yang di-Pertua,

2. KPWKM dan JKM sentiasa berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan kebajikan yang mudah diakses, cekap dan responsif terhadap keperluan golongan sasar, termasuk warga emas, orang kurang upaya (OKU), keluarga miskin serta penjaga yang menanggung ahli keluarga yang menghidap penyakit kronik.

3. Berhubung dengan syarat kelayakan dan kaedah penilaian permohonan, dimaklumkan bahawa pemberian bantuan kewangan oleh JKM adalah berdasarkan penilaian kemampuan kewangan dan keadaan sosioekonomi pemohon (*means-tested*). Syarat asas pemberian bantuan adalah pemohon mestilah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia. Selain itu, Pendapatan Garis Kemiskinan atau PGK turut dijadikan salah satu rujukan, namun bukanlah mekanisme tunggal yang diteliti, dalam menilai kelayakan pemohon.

4. Penilaian permohonan bantuan oleh JKM dilaksanakan berdasarkan maklumat dan keadaan sebenar pemohon, termasuk kedudukan pendapatan, tanggungan serta keperluan semasa serta kriteria kelayakan bagi skim bantuan yang dimohon, selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

5. Bagi memudahkan akses kepada bantuan kebajikan, JKM menyediakan kemudahan permohonan bantuan secara dalam talian melalui Sistem **eBantuan JKM di portal rasmi JKM**. Namun, permohonan bantuan ini tidak hanya terhad melalui Sistem eBantuan JKM ini sahaja, malah kaedah permohonan secara manual turut dikekalkan melalui Pejabat

Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berhampiran. Pegawai dan kakitangan JKM juga bersedia memberikan khidmat nasihat serta bimbingan kepada pemohon dalam melengkapkan dokumen dan mengemukakan permohonan bantuan. Ada juga kes di mana pegawai JKM sendiri hadir secara fizikal menyantuni mereka yang memerlukan di kediaman mereka sendiri.

6. Penilaian dan semakan terhadap syarat serta kriteria kelayakan penerima bantuan kewangan JKM dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan dasar, pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa. Pada masa ini, pelaksanaan pemberian bantuan kewangan bulanan JKM adalah berpandukan Garis Panduan Bantuan Kewangan Persekutuan JKM Tahun 2025, yang boleh dirujuk melalui laman sesawang rasmi JKM. Selain itu, maklumat lanjut mengenai syarat ini turut boleh di akses menerusi Talian Kasih 15999.

7. Sementara itu, bagi memastikan proses pertimbangan semula keputusan dilaksanakan secara adil, pemohon yang tidak diluluskan permohonannya boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh enam bulan dari tarikh keputusan dibuat. Mekanisme ini memberi ruang kepada pemohon untuk mengemukakan semula maklumat atau dokumen sokongan yang berkaitan bagi membolehkan permohonan dinilai berdasarkan keadaan dan keperluan sebenar.

8. Dari aspek ketelusan, keberkesanan dan penilaian program, JKM melaksanakan pemantauan serta kaji semula kelayakan penerima bantuan secara berkala. Ini bertujuan memastikan bantuan disalurkan kepada penerima yang memenuhi syarat kelayakan, di samping meningkatkan

ketepatan penilaian terhadap perubahan keperluan dan keadaan sosioekonomi mereka.

9. JKM juga sentiasa menitikberatkan integriti, ketelusan dan keadilan dalam urusan pengendalian permohonan bantuan. Justeru, sebarang aduan berkaitan penafian hak, salah guna kuasa atau tindakan yang tidak wajar oleh mana-mana pihak boleh dikemukakan kepada pihak JKM untuk penelitian, siasatan dan tindakan sewajarnya.

10. Berhubung cadangan oleh Yang Berhormat Beaufort agar kadar bantuan ditingkatkan, sukacita dimaklumkan menerusi Belanjawan 2027, Kerajaan mengemukakan beberapa cadangan untuk menambahbaik kadar dan syarat kelayakan bantuan kebajikan yang disalurkan menerusi pelbagai kementerian atau agensi. Antaranya ialah:

i. Bagi skim bantuan di bawah JKM, kadar **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik** dinaikkan daripada **RM500 kepada RM600 sebulan**. Manakala **kelayakan Pendapatan Elaun Pekerja OKU** dinaikkan daripada **RM1,700 kepada RM2,000 sebulan** yang akan memberi manfaat kepada lebih ramai OKU yang bekerja.

ii. Sementara itu, beberapa bantuan kepada kumpulan sasar KPWKM yang disalurkan menerusi Kementerian lain termasuklah **Elaun Murid Berkeperluan Pendidikan Khas** dinaikkan daripada **RM150 kepada RM200 sebulan** serta **Insentif Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas** dinaikkan daripada **RM250 kepada RM300 sebulan**.

11. Bagi memberi maklum balas persoalan oleh **Yang Berhormat Kota Marudu** berhubung mekanisme permohonan bantuan diproses, sekali lagi saya maklumkan bahawa penilaian permohonan bantuan oleh JKM dilaksanakan berdasarkan maklumat dan keadaan sebenar pemohon.

12. Prinsipnya jelas: Bantuan kebajikan hendaklah diberikan berdasarkan kelayakan dan keperluan, bukannya fahaman atau keanggotaan parti politik, hubungan peribadi atau pengaruh mana-mana pihak. Setiap permohonan perlu dan akan dinilai secara adil dan profesional.

13. Pada masa yang sama, saya ingin mengajak kita melihat realiti pelaksanaan bantuan kebajikan di lapangan. Tidak semua individu yang memerlukan bantuan tampil mengemukakan permohonan kepada JKM. Ada yang tidak mengetahui saluran permohonan, ada yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat atau hadir ke pejabat JKM, dan ada juga yang hidup bersendirian sehingga keadaan mereka tidak diketahui oleh JKM. Sebab itulah peranan komuniti amat penting. Ketua Kampung, Ketua Masyarakat, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) atau jawatankuasa setempat yang berkaitan, wakil rakyat mahupun NGO boleh membantu dan bekerjasama mengenal pasti dan merujuk individu yang memerlukan perhatian kepada JKM untuk penilaian lanjut.

14. Namun, peranan ini perlu dilaksanakan secara inklusif dan saksama. Rujukan hendaklah dibuat berdasarkan keperluan masyarakat. Warga emas yang tinggal bersendirian, balu yang kehilangan sumber pendapatan dan individu yang tidak mempunyai jaringan sokongan perlu diberikan perhatian,

walaupun mereka tidak mempunyai kenalan atau saluran untuk menyuarakan kesusahan mereka.

15. Dalam hal ini, kerjasama antara JKM, kepimpinan masyarakat, wakil rakyat dan komuniti setempat amat penting. JKM mempunyai tanggungjawab untuk menilai permohonan berdasarkan kriteria yang ditetapkan, manakala pihak di peringkat komuniti boleh membantu memastikan golongan yang memerlukan tidak tercicir daripada perhatian.

16. Akhirnya, matlamat kita bukan sekadar memastikan permohonan yang diterima akan diproses dengan adil, tetapi juga memastikan individu yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dikenal pasti dan dibantu. Kebajikan rakyat tidak seharusnya bergantung pada siapa yang mereka kenal, tetapi pada keperluan dan kelayakan mereka.

17. Justeru, saya mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk menyalurkan maklumat dan merujuk kes-kes yang memerlukan perhatian kepada JKM supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
ORANG KURANG UPAYA		
6.	Kebanyakan OKU ini juga bergantung pada bantuan kerajaan sama ada zakat mahupun JKM itu sendiri. Jadi semasa membahaskan RUU Jenayah Siber pada sidang yang lepas, saya ada bangkitkan berkenaan kecurian identiti melibatkan mangsa OKU. Jadi bantuan mereka ini tadi terhenti, tidak dapat disalurkan kerana akaun mereka dibekukan kerana menjadi mangsa scammer. Jadi saya ingin cadangkan juga kepada pihak kementerian, wujudkan satu mekanisme khas akaun perlindungan sosial atau saluran pembayaran alternatif bagi mangsa scam yang terdiri daripada penerima bantuan JKM supaya bantuan kebajikan mereka tidak terhenti walaupun akaun utama sedang disiasat atau dibekukan.	**TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Seterusnya, saya sekali lagi ingin memberi maklum balas kepada cadangan **Yang Berhormat Kuantan** untuk **mewujudkan satu mekanisme khas pembayaran alternatif bagi penyaluran bantuan kebajikan JKM** kepada individu mangsa *scam* yang mana akaun bank mereka dibekukan sementara siasatan kes mereka dijalankan oleh pihak berkuasa.

2. Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Bulanan Persekutuan yang sedang berkuat kuasa, penyaluran bantuan bulanan JKM dilaksanakan melalui kaedah Pindahan Dana Elektronik atau EFT ke akaun bank peribadi penerima yang aktif.

3. JKM cakna isu keselamatan kewangan penerima bantuan, khususnya kes yang melibatkan penipuan dalam talian, kecurian identiti dan pembekuan akaun bank sehingga menjejaskan kelancaran penerimaan bantuan bulanan.

4. Sekiranya akaun bank penerima dibekukan atau tidak lagi boleh digunakan akibat siasatan berkaitan penipuan, penerima bantuan atau waris yang sah disarankan untuk segera menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berhampiran bagi mendapatkan khidmat nasihat dan mengemukakan maklumat akaun bank alternatif yang sah serta aktif.

5. Pihak Kementerian Kewangan juga memaklumkan bahawa pihak bank sedia bekerjasama dengan penerima bantuan yang mana akaun mereka dibekukan sementara siasatan dijalankan, untuk mengeluarkan wang bantuan kebajikan daripada akaun mereka. Pada masa yang sama, JKM juga boleh mempertimbangkan pembayaran secara tunai secara sementara waktu bagi memastikan kelangsungan hidup penerima bantuan tidak terjejas.

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
	KELUARGA	
7.	Dalam Belanjawan 2027, kerajaan memperuntukkan RM9.6 juta bagi memperkukuhkan Tribunal bagi Antibuli dan RM58.7 juta bagi Kempen Internet Selamat. Persoalannya, **berapakah peruntukan khusus untuk memperkasakan ibu bapa** melalui pendidikan keibubapaan sebagai langkah pencegahan awal buli ini? Dalam Belanjawan 2026 yang lalu, sebanyak RM600,000 diperuntukkan bagi program pendidikan keluarga. Kenapa program seumpama ini tidak dinyatakan dalam Bajet 2027? Janganlah hanya kita mengharapkan ibu bapa memainkan peranan tapi pada masa yang sama kerajaan tidak menyediakan peruntukan mekanisme yang tersusun bagi membantu mereka melaksanakan tanggungjawab tersebut. Seterusnya, saya juga ingin menarik perhatian untuk YB Menteri Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. Jadi, **apakah usaha kementerian untuk memperkasakan ibu bapa untuk membantu ibu bapa dalam siri kursus kekeluargaan.**	**TUAN HAJI MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]** **TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]**

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Seterusnya, saya beralih kepada aspek **Keluarga** di mana **Yang Berhormat Permatang Pauh, YB Tumpat** dan **Yang Berhormat Kangar**

mencadangkan agar peruntukan terus disediakan pada masa akan datang bagi memperkasa ibu bapa melalui program pendidikan keluarga.

2. KPWKM berpandangan bahawa pembentukan akhlak, sahsiah dan tingkah laku positif anak-anak perlu bermula dari rumah melalui penglibatan aktif ibu bapa, dan disokong oleh institusi pendidikan, komuniti serta agensi kerajaan. Sehubungan itu, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan kekeluargaan dan keibubapaan, seperti:

i. Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work);
ii. Ilmu Keluarga@LPPKN;
iii. Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA);
iv. KASIH Keibubapaan Digital;
v. SMARTSTART 2.0; serta
vi. Program Kebapaan.

3. Program-program ini memberi penekanan kepada kemahiran keibubapaan, pembentukan sahsiah anak-anak, komunikasi keluarga, keselamatan kanak-kanak serta penggunaan teknologi digital secara selamat dan bertanggungjawab.

4. Pelaksanaan inisiatif ini turut mendukung pendekatan **KASIH** yang berteraskan lima (5) nilai utama, iaitu **K**asih Sayang, **A**khlak, **S**ihat dan **S**elamat, **I**lmu serta **H**armoni, bagi memperkukuh peranan ibu bapa dalam membentuk sahsiah anak-anak, memupuk empati dan rasa hormat serta mewujudkan persekitaran keluarga yang selamat dan harmoni, termasuk dalam mendepani risiko buli siber.

5. Selain pelaksanaan program secara bersemuka, LPPKN turut menyediakan Portal Keluarga Bahagia (https://keluargabahagia.my/portal/index) sebagai platform pendidikan kekeluargaan dalam talian bagi memudahkan ibu bapa mendapatkan maklumat dan panduan keibubapaan.

6. Berhubung peruntukan Belanjawan 2027, usaha memperkasa ibu bapa melalui pendidikan kekeluargaan akan terus dilaksanakan secara berterusan oleh LPPKN menggunakan peruntukan yang akan diberikan.

7. KPWKM akan terus memperkukuh pendidikan keibubapaan secara berstruktur dan berterusan bagi memastikan ibu bapa berupaya memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membentuk akhlak, sahsiah dan kesejahteraan anak-anak.

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
PROGRAM KESUBURAN		
8.	Merujuk kepada Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti yang diringkaskan sebagai BuAI atau IUI dalam bahasa Inggeris. Sebanyak 2,000 rawatan untuk seluruh negara yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi dan harus dinaikkan kepada 20,000 rawatan demi menggiatkan kelahiran dan memenuhi permintaan yang agak tinggi ini. Di Pulau Pinang saya difahamkan IUI dikelolakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) di Kepala Batas. **Saya memohon sebuah lagi pusat IUI ditubuhkan di kawasan Pulau untuk penduduk di situ**.	**TUAN LIM GUAN ENG** **[BAGAN]**

Seterusnya Tan Sri Yang Dipertua,

1. **Yang Berhormat Bagan** mencadangkan agar peruntukan **Program BuAI dapat ditambah** dan memohon agar Program BuAI diperluaskan di kawasan Pulau Pinang.

2. KPWKM melalui LPPKN sentiasa berusaha memastikan akses kepada rawatan kesuburan yang berkualiti dan mampu milik dapat diperluas kepada pasangan yang memerlukan, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kesihatan reproduktif.

3. Bagi tahun 2027, sebanyak RM7 juta dirancang untuk diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI) di bawah LPPKN. Daripada peruntukan ini, subsidi rawatan IUI bagi maksimum dua (2) kitaran rawatan disasarkan kepada 2,000

pasangan, iaitu peningkatan sebanyak 33.3 peratus berbanding tahun lalu iaitu 1,500 pasangan pada tahun 2026. Selain itu, seramai 42,000 individu turut disasarkan menerima perkhidmatan kesejahteraan lelaki dan wanita di seluruh negara.

4. Selain menyediakan subsidi rawatan kepada pasangan yang layak, inisiatif BuAI turut memberi penekanan kepada advokasi, saringan dan pengesanan awal masalah kesuburan. Melalui pendekatan ini, pasangan yang tidak menerima subsidi IUI juga berpeluang mendapat manfaat daripada perkhidmatan advokasi, termasuk maklumat kesuburan yang tepat, saringan awal dan khidmat nasihat mengenai pilihan rawatan yang bersesuaian dengan keadaan masing-masing.

5. Melalui pendekatan yang menyeluruh ini, BuAI 2027 dihasratkan dapat memperluas akses kepada sokongan kesuburan, meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan pasangan mendapatkan pemeriksaan serta intervensi pada peringkat awal. Usaha ini penting bagi membantu pasangan memahami keadaan kesuburan mereka, mendapatkan rawatan yang bersesuaian dan membuat keputusan termaklum dalam perjalanan membina keluarga.

6. Bagi negeri Pulau Pinang, rawatan IUI disediakan di Klinik Fertiliti Pusat Keluarga LPPKN Pulau Pinang, Kepala Batas. Selain itu, LPPKN turut melaksanakan perkhidmatan saringan, konsultasi dan kaunseling serta advokasi fertiliti melalui tiga (3) Klinik Nur Sejahtera (KNS) iaitu KNS Bertam, KNS Jalan Burma dan KNS Seberang Jaya.

BIL.	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
	WARGA EMAS	
9.	Pada masa yang sama, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas ihsan dan keprihatinan kerajaan yang juga telah bercadang dalam pembentangan belajawan ini untuk menubuhkan sebuah Pusat Kepakaran Penjagaan Bersepadu (NICE) yang akan dibangunkan di Pulau Pinang untuk latihan, penyelidikan dan penjagaan warga emas. Kerana kita sejak kebelakangan ini mendapati bahawa pusat-pusat penjagaan warga emas mengalami pelbagai masalah kerana tidak memperolehi kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan, daripada Jabatan Bomba dan juga sering kali menghadapi pelbagai masalah yang perlu mereka mengharungi dari semasa ke semasa. **Saya berharap dengan pengumuman ini, kita akan dapat menyeragamkan operasi-operasi pusat yang menjaga warga emas kerana tanpa warga emas, di manalah kita.**	**YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]**

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Berhubung saranan **Yang Berhormat Jelutong** mengenai **penyeragaman operasi pusat jagaan warga emas**, keutamaan KPWKM adalah untuk memastikan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan

penghuni sentiasa terpelihara melalui pematuhan undang-undang dan standard pengoperasian yang ditetapkan.

2. Di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506], pengendali wajib mematuhi kehendak undang-undang serta syarat agensi teknikal berkaitan, termasuk PBT, Jabatan Bomba serta Jabatan Kesihatan. Ini merangkumi aspek struktur bangunan, keselamatan kebakaran, kesihatan, sanitasi dan keselamatan penghuni.

3. JKM telah melaksanakan SOP Pengurusan Pusat Jagaan bagi Pegawai Diberi Kuasa bermula 26 September 2023. SOP ini merangkumi empat (4) prosedur utama, iaitu pendaftaran dan pendaftaran semula, pemeriksaan, pengurusan melalui Sistem myKendiri serta tindakan penguatkuasaan.

4. Pemantauan turut meliputi antaranya nisbah penjaga dengan penghuni, pemeriksaan kesihatan penjaga, latihan kebakaran, penyelenggaraan rekod dan pematuhan syarat agensi teknikal.

5. Bagi memperkukuh keselamatan penghuni, JKM pada tahun 2024 telah mengeluarkan Garis Panduan yang diperbaharui berkaitan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar. Garis panduan ini menekankan pemantauan operasi, latihan asas pertolongan cemas dan CPR kepada petugas serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) bagi meningkatkan perlindungan penghuni.

6. KPWKM melalui JKM akan terus memperkukuh pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan, di samping meningkatkan kerjasama

dengan agensi teknikal berkaitan. Usaha ini bertujuan memastikan pengendali mematuhi kehendak undang-undang dan syarat pendaftaran, sekali gus menyeragamkan amalan pengurusan serta meningkatkan keselamatan dan kualiti perkhidmatan penjagaan warga emas.

(PENUTUP)

Dengan itu Tan Sri Yang di-Pertua, berakhirlah sesi penggulungan saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi sesi penggulungan **Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2027 peringkat Dasar** di Dewan Rakyat pada hari ini.

Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan, cadangan penambahbaikan serta teguran yang melibatkan kumpulan sasar di bawah KPWKM. Saya menghargai segala yang telah dibangkitkan dan KPWKM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.

Kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap inisiatif-inisiatif Kementerian terutamanya dalam mengendalikan isu yang sangat dekat di hati kita ini diharap dapat memberi lebih manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.